



The Sarawak Museum Journal

Vol. LVIII No. 79

December 2003



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Amaluddin Bakeri. (2003). Sejarah Hubungan Petempatan Kampung Air di Limbang, Sarawak Dengan Kampung Ayer Brunei Darussalam¹. The Sarawak Museum Journal, LVIII (79): 141-162

SEJARAH HUBUNGAN PETEMPATAN KAMPUNG AIR DI LIMBANG, SARAWAK DENGAN KAMPONG AYER BRUNEI DARUSSALAM¹

Amaluddin Bakeri

PENGENALAN

Sebilangan besar orang Melayu² di Sarawak mendirikan petempatan atas air sama ada di pesisir pantai, muara sungai atau tebing sungai adalah disebabkan keperluan kepada sistem pengangkutan dan sumber air yang mudah dalam kehidupan seharian mereka. Selain daripada itu, aktiviti ekonomi yang dijalankan juga lebih banyak bergantung kepada sungai atau laut sebagai punca rezeki. Kepentingan mendirikan petempatan atas air bagi penduduk Sarawak turut dijelaskan oleh M.G. Dickson:

"Nearly all towns and villages in Sarawak are built close to a river. The reason is, rivers give us water for drinking, cooking and washing, and are used for travelling and transporting goods. Many villages and towns are found where two rivers meet. Muara Tuang stands at the place where the Tuang River joins the Samarahan. Long Akar is the place where the Akar flows into the Baram, Nanga Medamit and Limbang Rivers."³

Sejarah Hubungan Petempatan Kampung Air Di Limbang, Sarawak Dengan Kampong Ayer Brunei Darussalam¹

oleh

Amaluddin Bakeri

Pengenalan

Sebilangan besar orang Melayu² di Sarawak mendirikan petempatan atas air sama ada di pesisir pantai, muara sungai atau tebing sungai adalah disebabkan keperluan kepada sistem pengangkutan dan sumber air yang mudah dalam kehidupan seharian mereka. Selain daripada itu, aktiviti ekonomi yang dijalankan juga lebih banyak bergantung kepada sungai atau laut sebagai punca rezeki. Kepentingan mendirikan petempatan atas air bagi penduduk Sarawak turut dijelaskan oleh M.G. Dickson:

“Nearly all towns and villages in Sarawak are built close to a river. The reason is, rivers give us water for drinking, cooking and washing, and are used for travelling and transporting goods. Many villages and towns are found where two rivers meet. Muara Tuang stands at the place where the Tuang River joins the Samarahan. Long Akar is the place where the Akar flows into the Baram, Nanga Medamit and Limbang Rivers.”³

Orang-orang Melayu yang tinggal di petempatan pesisir pantai, muara atau tebing sungai Sarawak telah menerima pengaruh Islam sejak abad ke-13 lagi.⁴ Menurut Lee Yong Leng orang-orang Melayu ini mendiami petempatan atas air kerana beberapa faktor:

“Kampung-kampung Melayu yang besar kebanyakannya terdapat di sepanjang pantai dekat muara-muara sungai ataupun di tempat pertemuan anak sungai dengan sungai utama. Mudah sahaja difahami mengapa perkara ini berlaku, kerana kedua-dua tapak ini terletak di tempat pertemuan jalan perhubungan yang telah lama digunakan oleh orang Melayu untuk mendapatkan sara hidup mereka iaitu menangkap

ikan dan memungut hasil hutan. Sungguhpun kebanyakan penghuni-penghuni kampung ini menjadi nelayan, ada di antara mereka sekarang ini yang menanam getah, kelapa dan padi.”⁵

Di daerah Limbang, lokasi petempatan orang-orang Melayu beragama Islam sebahagian besarnya tertumpu di kawasan pesisir pantai Teluk Brunei dan sepanjang tebing Sungai Limbang. Hampir keseluruhan daripada orang-orang Melayu tersebut merupakan suku kaum Melayu Brunei. Gambaran tentang keadaan petempatan orang-orang Melayu Brunei tersebut adalah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Nigel Heyward:

“Malay people in Borneo live chiefly on the coast or short distance up the rivers, but they are never found beyond the reach of the tide. Every coastal town or bazaar has its Malay settlements, invariably separate from the rest of the community and as near as possible to the water. In these *kampongs* there are separate houses, some being simple huts of split bamboo and *nipah* (palm) *attap* (thatch), and other of timber, sometimes with quite elaborate ornamental carving, and with a *bilian attap* (shingle) roof.”⁶

Suku kaum Melayu Brunei yang menghuni kampung-kampung air di daerah Limbang mempunyai persamaan dari segi bahasa pertuturan⁷, budaya, pekerjaan, tempat tinggal dan agama dengan suku kaum Melayu Brunei di petempatan Kampung Ayer Brunei Darussalam. Persamaan dalam aspek-aspek tersebut disebabkan penduduk di kedua petempatan kampung air itu sebenarnya berasal dari suku kaum atau rumpun keluarga yang sama. Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang dan Kampong Ayer Brunei Darussalam menganuti agama Islam, hubungan persaudaraan yang terjalin di antara mereka telah dikukuhkan lagi dengan ikatan ‘saudara seagama’. Dalam hal ini Lee Yong Leng turut memberi penjelasan seperti berikut:

“.... dan agama Islam telah menjadi unsur penyatuan yang teguh di sepanjang pantai sejak berkurun-kurun lamanya. Jadi sifat yang menentukan bangsa Melayu ialah agama. Ada bukti-bukti menunjukkan bahawa agama ini serta kebudayaannya yang tinggi, bukan sahaja telah menjadi daya penarik yang kuat, tetapi juga kuat pengaruhnya sehingga dapat meninggalkan kesan di kalangan puak asli yang tidak beragama di kawasan pantai”.⁸

Bagi mengetahui sejarah hubungan orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang dengan Kampong Ayer Brunei Darussalam di atas, artikel ini akan membincangkan hubungan keduanya bermula daripada pemerintahan Kesultanan Brunei hingga pentadbiran Kerajaan Malaysia. Di bahagian awal akan membincangkan secara ringkas tentang latar belakang Kesultanan Brunei pada abad ke-17. Seterusnya perbincangan ini meneliti hubungan kampung-kampung air daerah Limbang dengan Kampong Ayer Brunei Darussalam semasa pemerintahan Kesultanan Brunei. Penghuraian selanjutnya membincangkan tentang pemisahan kampung-kampung air daerah Limbang dari Kampong Ayer Brunei Darussalam dan hubungannya selepas ia dipisahkan oleh sempadan politik.

Pentadbiran Kesultanan Brunei Di Kampong Ayer

Pada pertengahan abad ke-17, Kesultanan Brunei merupakan kesultanan maritim yang agung di rantau Asia Tenggara. Wilayah kekuasaannya meliputi kawasan seluas kira-kira 79,164 batu persegi yang meliputi Tanjung Datu di Sarawak hingga ke perbatasan Sungai Sibuku di Kalimantan Timur.⁹ Kesultanan Brunei dari segi kedudukan geografinya terletak di tengah-tengah laluan perdagangan timur-barat. Pusat pentadbiran Kesultanan Brunei pada abad tersebut adalah terletak di Kampong Ayer.¹⁰ Kampong Ayer menjadi pelabuhan penting yang disinggahi pedagang-pedagang dari pelbagai negara termasuklah India, China, Timur Tengah dan Eropah.¹¹

Selain menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan, Kampong Ayer juga merupakan kawasan petempatan komuniti maritim Melayu yang terbesar di wilayah Kesultanan Brunei.¹² Sebelum itu, pada tahun 1521 seorang pengembara berbangsa Sepanyol, Antonio Pigafetta telah memberikan gambaran tentang petempatan Kampong Ayer seperti berikut:

“That city entirely built in salt water, except the houses of the king and certain chiefs. It contains 25,000 fires (families). The houses are all constructed of wood and built up from the ground on tall pillars. When the tide is high women go in boats through the settlement selling the articles necessary to maintain life”.¹³

Kewujudan Kampung Ayer boleh dikaitkan dengan sebuah kampung yang terletak sebatu dari kedudukan Kampung Ayer pada masa kini. Kampung yang dimaksudkan adalah Kampung Sungai Lampai. Istana Sultan yang memerintah Kesultanan Brunei pada masa tersebut terletak di Kampung Sultan Lama iaitu salah sebuah kampung yang termasuk dalam kumpulan kampung di Kampung Ayer.¹⁴

Kampung Air Daerah Limbang Di Bawah Pentadbiran Kesultanan Brunei

Sebelum penghujung abad ke-19, daerah Limbang merupakan wilayah yang ditadbir sepenuhnya oleh Kesultanan Brunei.¹⁵ Daerah Limbang mempunyai kawasan tanah lembah yang sangat subur untuk diusahakan sebagai kawasan pertanian terutamanya bagi tanaman padi sawah. Selain padi sawah sagu juga hidup subur di daerah tersebut. Daerah Limbang adalah ‘periuk nasi’ yang membekalkan padi dan sagu kepada Kesultanan Brunei. Daerah ini juga menjadi sumber pendapatan bagi pegawai-pegawai Kesultanan Brunei.¹⁶

Selain bercucuk tanam, penduduk daerah Limbang yang mendiami petempatan kampung-kampung air menjalankan aktiviti perikanan. Operasi menangkap ikan dijalankan di sepanjang Sungai Limbang hingga ke pesisiran pantai Teluk Brunei. Hasil perikanan yang didaratkan dengan menggunakan peralatan tradisional seperti tugu, selambau, bintor, rawai, pancing dan rambat (jala) adalah untuk kegunaan sendiri. Tangkapan ikan dan hasil perikanan lain yang berlebihan diproses menjadi ikan kering, “tahai”¹⁷, udang salai dan udang kering. Selain untuk kegunaan keluarga, hasil perikanan yang telah diproses sebahagiannya didagangkan ke Kampung Ayer.

Aktiviti perdagangan antara kampung-kampung air di daerah Limbang dengan Kampung Ayer dilakukan oleh pedagang-pedagang yang dikenali sebagai ‘pengalu’¹⁸ dan ‘padian’¹⁹. Dengan menggunakan sebuah perahu besar, ‘pengalu’ yang bertindak sebagai orang tengah akan membeli sumber laut, hasil pertanian dan hasil hutan dari penduduk kampung-kampung air di daerah Limbang. Selain daerah Limbang, ‘pengalu’ juga menjalankan kegiatan mereka di beberapa kawasan lain